

SOALAN LAZIM BERKAITAN PENGANUGERAHAN DIPLOMA/IJAZAH SECARA JANJI TEMU

Bil. Soalan Lazim / Jawapan

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu?

Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu adalah kaedah penganugerahan yang dilaksanakan oleh UiTM bagi menggantikan Istiadat Konvokesyen UiTM tahun 2020. Melalui kaedah ini, graduan akan membuat janji temu secara dalam talian dan hadir secara bergilir mengikut tarikh dan tempat (UiTM Shah Alam atau UiTM Cawangan) yang telah dipilih. Gambar graduan akan diambil dan disatukan dengan gambar penganugerah yang telah ditetapkan.

2. Mengapa Penganugerahan Diploma/Ijazah Secara Janji Temu ini dilaksanakan?

Berikutan penularan wabak COVID-19 yang masih berlaku di Malaysia dan di seluruh dunia, UiTM perlu menetapkan satu kaedah baharu penganugerahan yang bersesuaian dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan. SOP ini perlu memberi keutamaan kepada aspek keselamatan, kesihatan, kos dan tempoh masa. Pelaksanaannya mengambil kira SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta arahan-arahan Kerajaan.

Bilangan graduan UiTM yang ramai merupakan faktor utama kepada pelaksanaan Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu. Secara puratanya, jumlah graduan UiTM bagi satu sesi konvokesyen adalah seramai lebih kurang 25,000 orang. Istiadat Konvokesyen UiTM lazimnya dilaksanakan sebanyak dua kali setahun. Sekiranya pelaksanaan Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu ini tidak dilakukan, jumlah graduan UiTM akan meningkat pada setiap sesi berikutnya.

3. Siapakah yang terlibat dengan Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu ini?

Graduan UiTM bagi sesi Konvokesyen ke-92 yang berjumlah 22,834 orang.

Bil. Soalan Lazim / Jawapan

4. Bilakah Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu dilaksanakan?

- Tarikh : 01 Disember 2020 hingga 10 Mac 2021
- Masa : 8:00 pagi hingga 5:00 petang (termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti umum)

5. Di manakah Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu dilaksanakan?

1. UiTM Shah Alam
2. UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat
3. UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah
4. UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau
5. UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh
6. UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau
7. UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun
8. UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani
9. UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu
10. UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang
11. UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan
12. UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka
13. UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

Graduan boleh menghadiri sesi penganugerahan di kampus terdekat di mana graduan berada tanpa mengambilkira tempat tamat pengajian.

6. Bagaimana proses Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu dilaksanakan?



Bil. Soalan Lazim / Jawapan

7. Bagaimanakah permohonan Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu boleh dilakukan?

Permohonan boleh dibuat melalui Sistem Janji Temu Penganugerahan Diploma/Ijazah. Pautan sistem boleh diperoleh di laman sesawang <https://konvokesyen.uitm.edu.my/v1/>

8. Berapa lamakah proses Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu dilaksanakan?

Proses keseluruhan pelaksanaan kaedah ini mengambil masa antara 7 hingga 15 minit.

9. Sekiranya telah menetapkan tarikh janji temu, tetapi tidak dapat hadir, apakah yang boleh dilakukan?

Sesi fotografi boleh dibuat di studio UiTM Photo Centre, UiTM Shah Alam pada tarikh dan masa yang akan ditetapkan oleh pihak UiTM Photo Centre. Sila berhubung dengan pegawai berikut selepas 11 Mac 2021:

1. Encik Mohd Shahrizal Mat Hussin
Pengurus
UiTM Photo Centre
Tel : 03-55438431
Emel : shahrizal123@uitm.edu.my
2. Encik Rosmayni Jamali
Jurufoto
UiTM Photo Centre
Tel : 03-55438431
Emel : rosmayni@uitm.edu.my

10. Bolehkah graduan menukar lokasi atau tarikh janji temu yang telah dibuat?

Tidak.

11. Apakah SOP yang ditetapkan bagi menghadiri penganugerahan secara janji temu ini?

- i. Graduan dan ibu bapa **mesti** mengisi Borang Deklarasi Saringan Risiko COVID-19 UiTM secara dalam talian setiap hari selama tiga (3) hari berturut-turut **sehingga** tarikh janji temu. Pautan borang saringan adalah <https://saringc19.uitm.edu.my>. Sila log masuk sebagai pelawat. Kegagalan untuk membuat deklarasi boleh menyebabkan graduan dan ibu bapa tidak dibenarkan hadir.

Bil. Soalan Lazim / Jawapan

- ii. Pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera.
- iii. Sentiasa memakai pelitup muka (*face mask*).
- iv. Sentiasa membersihkan tangan (*hand sanitizer*).
- v. Penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.
- vi. Mematuhi ketetapan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dari masa ke semasa.

12. Berapa ramai graduan yang dibenarkan hadir dalam sehari?

Seramai 300 graduan yang dibenarkan hadir dalam sehari secara bergilir mengikut tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan.

13. Adakah graduan dibenarkan hadir sekiranya belum menjelaskan yuran konvokesyen?

Tidak. Graduan perlu menjelaskan yuran konvokesyen dan denda (jika ada) sebelum membuat permohonan janji temu.

14. Adakah graduan perlu memulangkan jubah pada hari yang sama selepas sesi Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu?

Ya. Graduan tidak dibenarkan untuk lewat memulangkan jubah.

15. Bilakah skrol dan transkrip akan diserahkan?

Skrol dan transkrip akan diserahkan selepas jubah dipulangkan.

16. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya skrol dan transkrip telah diambil sebelum sesi penganugerahan diadakan?

Skrol dan transkrip perlu dibawa semasa sesi penganugerahan. Serahkan kepada petugas di Kaunter Pendaftaran dan tuntutan semula di Kaunter Pengambilan Skrol dan Transkrip selepas pemulangan jubah.

17. Berapa ramai bilangan ahli keluarga yang dibenarkan untuk menghadiri Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu?

Setiap graduan dibenarkan membawa dua (2) orang ahli keluarga sahaja. Mereka mestilah berumur di antara 13 hingga 59 tahun dan tidak berisiko tinggi kepada jangkitan COVID-19.

18. Berapakah kapasiti penumpang kenderaan yang dibenarkan masuk ke kampus bagi sesi Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu?

Bil. Soalan Lazim / Jawapan

Setiap kenderaan dibenarkan maksimum empat (4) orang penumpang sahaja iaitu:

- Graduan – 1 orang
- Ibu bapa/ahli keluarga – 2 orang
- Pemandu (ahli keluarga/teksi/*e-hailing*) – 1 orang

Kapasiti penumpang tertakluk kepada ketetapan terkini dari MKN.

19. Adakah saya boleh memilih untuk tidak menghadiri Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu?

Ya. Graduan boleh memilih untuk tidak menghadiri Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu.

Bagaimanapun graduan digalakkan untuk hadir bagi mengabadikan kenangan sebagai graduan UiTM melalui gambar penganugerahan yang akan diterima.

20. Adakah terdapat sebarang yuran yang dikenakan untuk Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu?

Tidak. Graduan hanya perlu menjelaskan yuran konvokesyen mengikut peringkat pengajian masing-masing (sekiranya belum dijelaskan).

21. Sekiranya saya memilih untuk tidak menghadiri Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu, adakah saya masih boleh mendapat sijil Diploma/Ijazah pengajian saya?

Boleh. Sila lengkapkan Borang Permohonan Tuntutan Skrol yang boleh diperolehi di laman sesawang <https://konvokesyen.uitm.edu.my/v1/> dan e-melkan kepada staf yang bertanggungjawab mengikut fakulti/program masing-masing.

22. Bagaimanakah cara untuk menuntut gambar penganugerahan?

Gambar penganugerahan akan dihantar secara pos setelah bayaran caj penghantaran sebanyak RM20.00 dibuat semasa sesi penganugerahan. Sebarang pertanyaan berkenaan gambar penganugerahan boleh berhubung dengan UiTM Photo Centre di talian 03-55438431.

23. Berapa lamakah tempoh pemprosesan gambar penganugerahan?

Gambar penganugerahan akan diproses dalam tempoh 14 hari selepas selesai sesi penganugerahan graduan tersebut.

Bil. Soalan Lazim / Jawapan

24. Sekiranya saya mempunyai soalan tambahan yang tidak dinyatakan dalam soalan-soalan lazim, bagaimana saya boleh berhubung dengan pihak UiTM?

Sila berhubung dengan pegawai berikut:

1. Puan Aminah binti Aman
Timbalan Pendaftar
Bahagian Rekod Pelajar dan Konvokesyen
Tel : 03-55443110
Emel : aminaham@uitm.edu.my
2. Puan Rozani binti Mohd Noh
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Rekod Pelajar dan Konvokesyen
Tel : 03-55443114
Emel : roza@uitm.edu.my

Keluaran: 27 November 2020, Universiti Teknologi MARA